

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Unit Perancang Ekonomi telah membuat perancangan terperinci berkaitan projek menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dan projek tebatan banjir yang telah diluluskan dalam rancangan Malaysia ke 11( RMK-11).**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) telah mengendalikan sebanyak 1.8 juta penumpang setahun pada tahun 2014 berbanding kapasiti rekabentuk terminal yang boleh menampung sehingga 1.5 juta penumpang setahun sahaja. Sehubungan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk menaik taraf LTSIP dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Sebanyak RM30 juta telah disediakan pada tahun 2016 bagi tujuan kerja-kerja awalan termasuk rekabentuk dengan jangkaan projek akan siap pada tahun 2019. Kapasiti terminal sedia ada LTSIP akan ditingkatkan bagi menampung pengendalian penumpang daripada 1.5 juta penumpang kepada 4.0 juta penumpang setahun yang dijangka mampu bertahan sehingga tahun 2028. Di samping itu, landasan juga akan dipanjangkan bagi membolehkan operasi semua pesawat Kod 4C beroperasi tanpa kekangan. Oleh yang demikian, Kerajaan berharap penaiktarafan serta peningkatan kapasiti LTSIP akan memberikan keselesaan kepada penumpang dan pengunjung serta memenuhi keperluan di masa hadapan.

Bagi projek tebatan banjir pula, Unit Perancang Ekonomi (UPE) sememangnya telah membuat perancangan yang rapi dalam menimbang projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang merupakan di antara projek yang diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pemilihan projek tebatan banjir adalah berdasarkan kepada pelan induk Rancangan Tebatan Banjir yang

disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berdasarkan kepada kajian menyeluruh ke atas sesuatu lembangan sungai dan kawasan-kawasan yang dikenalpasti bagi penyelesaian masalah banjir. Penyediaan pelan ini melibatkan pengumpulan data berkaitan hidrologi, analisis hidrologi dan hidraulik yang digunakan untuk mengenal pasti punca-punca kejadian banjir, lokasi, cadangan dan syor-syor projek tebatan banjir yang bersesuaian dan jumlah peruntukan yang diperlukan.

Seterusnya, pemilihan projek RTB akan disyorkan dengan keutamaan bagi kawasan-kawasan yang kerap berlakunya kejadian banjir. Setelah sesuatu projek diluluskan, rekabentuk terperinci akan dilaksanakan terhadap komponen struktur (empangan, lencongan, kolam takungan, ban) dan bukan struktur (sistem ramalan dan amaran banjir, garis panduan/perundangan, kempen kesedaran) atau gabungan antara kedua-duanya seperti yang dicadangkan di dalam kajian pelan induk RTB.

Di antara perkara yang diteliti semasa menimbang cadangan projek-projek baru di bawah RMKe-11 adalah *Creativity Index* (CI), yang merupakan nilai impak atau faedah yang akan diterima oleh rakyat berbanding kos projek bagi satu tempoh yang ditetapkan. Nilai CI yang tinggi bermaksud sesuatu projek mempunyai impak yang tinggi kepada rakyat dan diberi keutamaan paling tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : 47**

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa kelewatan dalam penyiapan tempat letak kereta bertingkat di KTM Serdang berlaku dan tindakan yang akan diambil terhadap kontraktor.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan tempat meletak kenderaan (*Park n Ride Facilities*) di Stesen Komuter Serdang secara fizikal telah siap 100%. Pada masa ini, kerja-kerja pembekalan elektrik secara tetap (*permenant supply*) sedang dilaksanakan sebagai pematuhan kepada syarat yang ditetapkan dibawah *Factories and Machinery Act & Regulation*. Ini bagi membolehkan kemudahan lif berfungsi.

Setelah bekalan elektrik secara tetap siap, kerja-kerja pengujian dan pentaulihan (*testing and commissioning*) akan dilaksanakan dan kemudahan Park and Ride ini dijangka dibuka untuk kegunaan awam pada bulan Februari 2016. Skop kerja ini bukan dalam skop kerja asal kontraktor. Pihak Perbadanan Aset Keretapi selaku agensi pelaksana projek sedang berurusan dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi membolehkan penyediaan kemudahan-kemudahan utiliti dapat disediakan sebelum pengujian dan pentaulihan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan projek lewat siap dari jadual asal, pada masa ini pihak kontraktor dikenakan denda kelewatan [*Liquidated and Ascertained Damages (LAD)*].